

B/A 10/1/2011 1 RASG.

Bersihkan bandar raya waktu malam

Oleh Muhammad Hatim
Ab Manan
bhnews@bharian.com.my

Melaka mahu contohi kejayaan negara maju pikat pelancong

MELAKA: Melaka menjadi negeri pertama melaksanakan program khas membersihkan bandar raya pada waktu malam, setaraf pendekatan yang diterapkan bandar raya maju di seluruh dunia dalam usaha memastikan kebersihan kawasan ini berada pada tahap optimum, sekali gus mampu menarik kedatangan lebih ramai pelancong.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata program terbaru itu yang dimulakan malam kelmarin, diterajui Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dengan kerjasama Southern Waste Management Environment Sdn Bhd (SWM) Melaka dan diyakini berupaya menjadikan jalan raya di negeri ini khususnya laluan tumpuan pelancong lebih bersih dan cantik.

"Ia pendekatan sama dilakukan bandar raya negara maju seperti di Shanghai, Xianxing, Guangzhou di China; Brisbane, Australia; New Zealand dan Paris di Perancis. Negara terbabit menggunakan mesin lebih kecil dan menggunakan paip tekanan tinggi untuk mencuci dan membersihkan jalan raya dengan cara lebih cepat.

"Menerusi program berkenaan, kerja pembersihan jalan dan kutipan sampah di bandar raya ini hanya dilaksanakan pada waktu malam bermula 12 tengah malam setiap hari dan sekitar jam 2 hingga jam 3 pagi pada hujung minggu.

"Kawasan yang menjadi tumpuan pelancong seperti di Jalan Melaka Raya, Jalan Merdeka dan Jalan Banda Hilir akan dipastikan berada pada tahap kebersihan memuaskan," katanya kepada *Berita Harian* selepas menyertai program terbabit yang diadakan di Taman Melaka Raya



MOHD ALI (tengah) melihat kerja pembersihan selepas perasmian program di Melaka Raya.

bermula jam 12 tengah malam kelmarin.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Latiff Thamby Chik; Pengerusi Jawatankua-

sa Kerja Raya dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Gan Tian Loo; Datuk Bandar MBMB, Zainal Abu dan Pengurus SWM Melaka, Mahadi Abd Talib.

Mohd Ali berkata, pihaknya menggalakkan pihak berkuasa

tempatan (PBT) lain di negeri ini menerapkan langkah sama di kawasan pentadbiran masing-masing terutama di tempat yang menjadi fokus pengunjung.

"Sava berharap selepas ini

semua jalan raya di Bandaraya Melaka sentiasa bersih tanpa ada batu atau pasir yang bersepah di tepi jalan, sekali gus berubah menjadi bandar raya utama yang diminati pelancong," katanya.